

Penggunaan Kaedah Modeling Dalam Penulisan Berasaskan Pengajaran Pembezaan

Haslinda Ibrahim

haslinda_ibrahim@schools.gov.sg

Anisah Mustaffa

anisah_mustaffa@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Innova

Abstrak

Pencapaian hasil karangan murid tidak memuaskan dan kurang bermutu. Respons murid-murid kurang memuaskan dan mereka tidak dapat mengembangkan idea terutama murid pada tahap praaras kebolehan. Pengajaran yang berpusat pada guru tidak dapat melibatkan murid secara aktif. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan pendekatan Pengajaran Pembezaan (DI) dalam mengasah kemahiran menulis mereka. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan DI dapat mempertingkatkan pencapaian murid yang mempunyai tahap kesediaan dan kebolehan yang berbeza. Melalui pendekatan ini, murid-murid praaras kebolehan khususnya, dapat melibatkan diri secara aktif. Analisis dapatan kajian ini telah menampakkan sedikit kemajuan murid-murid dalam kemahiran menulis.

Kata Kunci: Pengajaran Pembezaan, Penulisan Karangan, Kemahiran Menulis



PENGENALAN

Tahap kebolehan murid di dalam kelas bukanlah sesuatu yang boleh ditetapkan. Walaupun murid tersebut sudah melalui peringkat saringan dan dikelompokkan mengikut tahap, tahap kebolehan mereka tetap pelbagai. Jurang perbezaan tahap kebolehan atau kesediaan ini lebih ketara pula bagi kelas pengelompokan pelbagai tahap. Ada kalanya, pengajaran yang disampaikan dapat diterima oleh semua murid, tidak kira tahap kesediaan atau kebolehan mereka itu. Namun begitu, tidak semua pengajaran yang disampaikan dapat digarap oleh setiap seorang daripada mereka. Lantas, potensi mereka tidak dapat dikembangkan sepenuhnya kerana pengajaran yang disediakan tidak mengambil kira tahap kebolehan atau kesediaan mereka. Bagi pengajaran penulisan karangan, cara pembelajaran yang sama untuk semua murid kurang membantu murid-murid yang lemah atau yang kurang bersedia untuk menghasilkan karangan serta berkesinambungan yang baik. Murid-murid yang berkebolehan tinggi pula kurang kreatif dan mutu karangan mereka tidak berkualiti.

Untuk menangani masalah ini, satu usaha intervensi telah dijalankan. Pendekatan Pengajaran Pembezaan (DI) diterapkan, khusus dari aspek proses dan produk dalam penulisan karangan untuk merapatkan jurang perbezaan ini. Pada masa yang sama, pendekatan ini diharapkan dapat membantu murid-murid mengasah kemahiran menulis mereka mengikut tahap kesediaan dan kebolehan mereka. Melalui cara ini, murid-murid praaras kebolehan dan kurang bersedia dapat menulis dengan lebih yakin memandangkan pembelajaran penulisan ini disesuaikan mengikut profil dan tahap kebolehan atau tahap kesediaan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran karangan, penulisan karangan dianggap kemahiran yang paling sukar untuk dipelajari terutama bagi murid-murid yang kebanyakannya terdedah kepada bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan bahasa Melayu terutama dalam penulisan adalah lebih kompleks dan rumit daripada bahasa perbualan. Bagi bahasa penulisan, murid-murid perlu menulis ayat yang lebih panjang

dan menggunakan struktur bahasa yang tepat. Murid-murid perlu memahami bahasa dengan baik dan perlu berusaha lebih keras dalam mencari perkataan yang tepat untuk membina ayat mereka.

Tambahan, para guru juga perlu menghadapi murid-murid yang tergolong dari pelbagai tahap kebolehan yang berbeza. Oleh itu, guru-guru di sekolah perlu mengubah pendekatan pengajaran mereka dengan membezakan proses pengajaran penulisan melalui pelbagai aktiviti bagi memudahkan pembelajaran murid-murid. Dengan itu, DI telah diterapkan dalam pengajaran penulisan karangan bagi membantu murid-murid pelbagai peringkat untuk menghasilkan karangan yang baik.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. mempertingkat pencapaian murid dalam penulisan karangan dengan mengasah kemahiran menulis mereka; dan
2. memberi sokongan pembelajaran kepada murid-murid yang mempunyai pelbagai tahap kebolehan atau tahap kesediaan yang berbeza.

KAJIAN LEPAS

Menurut Vygotsky (1978), dalam *Zone of Proximal Development*, murid boleh melakukan sesuatu dengan jayanya dengan adanya bantuan dan galakan daripada seseorang yang lebih berkeupayaan. Oleh itu, untuk membantu murid-murid mencapai potensi mereka dalam kemahiran menulis, lebih-lebih lagi bagi murid yang tergolong dalam kelas pengelompokan kebolehan yang pelbagai, guru boleh membantu dengan menyediakan perancangan yang sesuai untuk murid-murid mereka. Untuk memberikan sokongan yang lebih berkesan, guru boleh menggunakan pendekatan Pengajaran Pembezaan (Tomlinson, 1995).



Menurut Tomlinson lagi, perbezaan bukan bermaksud keindividualan, malah, ia bermaksud memahami keperluan pelajar kerana setiap pelajar itu mempunyai keperluan yang berbeza (Tomlinson, 2001). Proses membezakan proses penulisan dan peringkat (*tiering*) aktiviti memudahkan pembelajaran pelajar. Pendekatan ini membolehkan pelajar untuk menulis karangan berdasarkan keupayaan kognitif dan pemahaman mereka mengenai topik atau gambar yang dibincangkan secara kendiri. Oleh itu, ia bukan sahaja menggalakkan penjanaan idea dan kolaborasi antara rakan sebaya, pendekatan ini juga dapat membantu meningkatkan kualiti penulisan pelajar dari segi kandungan dan organisasi.


Untuk mendapatkan gambaran visual dalam menyediakan aktiviti yang boleh diubahsuai mengikut tahap kebolehan murid, guru boleh merujuk alat yang dipanggil *Equalizer*, ciptaan Carol Ann Tomlinson (Tomlinson, 1999).

Menurut Tomlinson (1999) lagi, *Equalizer* itu merangkumi sembilan kontinum yang mana tahap kepayaan mengikut kandungan, produk dan proses boleh digubal dan diubahsuai. Lantas, guru boleh merujuk kepada *Equalizer* untuk menyediakan perancahan yang sesuai mengikut profil murid agar dapat memberi kesan yang optimum.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, pendekatan DI boleh memastikan konsep inklusif diterapkan dalam pembelajaran. Dengan itu, ia dapat melibatkan semua murid secara aktif dengan mengambil kira tahap kebolehan atau kesediaan mereka. Dengan berpandukan *Equalizer* (Rajah 1) yang dipelopori Carol Ann Tomlinson (Tomlinson, 1999), proses pembelajaran karangan yang membolehkan aktiviti mengikut tahap telah dibina sebagai perancahan untuk murid. Tahap kesukaran diubahsuai mengikut dimensi yang sesuai berdasarkan objektif pembelajaran. Dimensi yang menjadi panduan untuk membina perancahan yang sesuai adalah mengikut dimensi lebih berstruktur kepada lebih terbuka dan kurang berdikari kepada lebih berdikari (*More structured to more open and Less independent to more independent*).

Rajah 1: Instrumen *Equalizer*, Tomlinson



Kajian ini juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP), 2018. Dengan merujuk kepada elemen proses pelaksanaan pelajaran, guru dapat melaksanakan pengajaran dan menjalankan penilaian serta mengumpulkan maklum balas dengan berpandukan langkah-langkah yang telah diberikan. Aspek pengajaran dan aktiviti mengajar bagi proses tersebut dapat dilihat dalam jadual proses pengajaran di bawah ini.

Jadual 1: Proses Pelaksanaan Pengajaran

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran (AP)	Aktiviti Mengajar (AM)
Pelaksanaan Pelajaran	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	<ul style="list-style-type: none"> Menjana perkataan/ frasa melalui aktiviti perancah <i>Word Splash</i> dapat mencungkil pengetahuan sedia ada murid dan mengaitkannya pada pembelajaran karangan. Mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui tontonan video yang berhubung kait dengan topik karangan.
	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti perancah rutin berfikir (TR) yang berperingkat menggalakkan murid untuk memberikan respons yang sesuai mengikut peringkat kebolehan mereka. Menjawab soalan panduan teknik (5W1H).



Penilaian dan Maklum balas	AP24: Menyediakan tugas bermakna	Tugas yang diberikan adalah realistik dan dalam jangkauan mereka kerana ia disediakan dengan mengambil kira profil pelajar.
Penerangan dan justifikasi		Aspek pengajaran yang diambil kira diselaraskan dengan tujuan kajian. Aspek Pengajaran ini digunakan supaya pengajaran dilakukan secara berstruktur dan terbimbing. Pendekatan DI bagi aktiviti pengajaran dapat membantu setiap pelajar mengikut tahap kebolehan atau kesediaan masing-masing. Pengajaran juga dilakukan secara eksplisit dengan menggunakan strategi “I Do, We Do dan You Do” agar dapat memastikan para pelajar mendapat bimbingan sepenuhnya. Selain itu, pengajaran melalui portal SLS disiapkan mengikut kerangka Proses Pembelajaran Aktif (ALP) supaya murid dapat mengikuti pembelajaran secara berstruktur.

Data kuantitatif yang diperoleh adalah melalui maklum balas murid, undian melalui Poll SLS dan keputusan peperiksaan karangan mereka.

Subjek Kajian

Murid yang terlibat dalam kajian ini merupakan murid-murid Darjah 3 dan 5. Murid daripada peringkat Darjah 4 merupakan kumpulan kawalan dalam kajian ini. Latar belakang murid di dalam kelas adalah pelbagai, iaitu pengelompokan pelbagai tahap kebolehan.

Instrumen Kajian

Instrumen Kajian adalah seperti berikut:

- *Equalizer*
Alat ini memberi gambaran visual kepada guru dalam memilih ranah yang terbaik agar mereka dapat menyediakan aktiviti yang berperingkat atau yang pelbagai tahap mengikut profil murid.
- Portal SLS (Active Learning Process) / Kertas Kerja berstruktur
Portal SLS menyediakan pembelajaran berstruktur melalui *Active Learning Process*. Adanya templat rutin berfikir (*Thinking Routine*) yang boleh diubah suai dapat membantu murid memberikan respons yang teratur. Lembaran kerja berstruktur yang disediakan guru pula membantu murid untuk mengikuti proses karangan dengan lebih teratur.

- Markah komponen ujian karangan

Markah murid dalam ujian karangan akan diteliti untuk mengukur pencapaian mereka.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan pada Semester 2. Sebagai permulaan atau pengenalan, iaitu Langkah 1, guru menjalankan pengajaran secara eksplisit. Untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid, guru menayangkan video yang bersangkut-paut dengan gambar karangan. Guru akan bertanyakan soalan berdasarkan SADiM2B (5W1H). Bermula daripada Langkah 2, iaitu proses penulisan karangan, pendekatan DI dijalankan. Contohnya, bagi murid Darjah 3, murid-murid akan menjana perkataan atau frasa berdasarkan setiap gambar bersiri. Kemudian, mereka akan membina ayat tunggal atau ayat mudah (Langkah 3) dan seterusnya ayat majmuk atau kompleks (Langkah 4). Guru akan menunjukkan contoh karangan selepas melakukan langkah 1 hingga 4. Kemudian, murid akan membuat karangan yang mana perancangan karangan adalah mengikut tahap kebolehan atau kesediaan mereka. Berikut ialah jadual gambaran keseluruhan DI dari segi proses seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Gambaran Keseluruhan DI

Langkah-langkah	Darjah 3	Fokus	Pengajaran Pembezaan	Aspek Tatabahasa/ Kriteria
Langkah 2		Menjana perkataan/frasa	LP menjana perkataan sahaja	kata nama kata kerja
			MP menjana frasa	frasa nama frasa kerja
			HP menjana frasa	frasa nama frasa kerja frasa adjektif
Langkah 3		Membina Ayat Tunggal	LP Membina ayat tunggal dengan mengisi tempat kosong.	-
			MP Membina ayat tunggal secara kendiri dengan menggunakan frasa-frasa yang telah dijanakan.	sekurang-kurangnya tiga patah perkataan dalam satu ayat



			HP Membina ayat tunggal secara kendiri dengan menggunakan frasa-frasa yang telah dijanakan.	sekurang-kurangnya tiga atau lebih perkataan dalam satu ayat
Langkah 4		Membina Ayat Majmuk	LP Membina ayat majmuk dengan mengisi tempat kosong.	dan tetapi namun
			MP Membina ayat majmuk secara kendiri dengan merujuk contoh yang disediakan guru.	dan tetapi kerana namun apabila
			HP Membina ayat majmuk secara kendiri.	lalu dan tetapi kerana namun apabila
Langkah 5	Membina karangan secara kendiri mengikut tahap mereka.			
Langkah 2	Darjah 5	Permulaan	LP/MP mengembangkan permulaan cerita berdasarkan contoh permulaan yang telah diberikan	<ul style="list-style-type: none"> diberikan perancah <ul style="list-style-type: none"> - contoh perenggan permulaan diberikan.
			HA menghasilkan permulaan cerita yang sesuai.	<ul style="list-style-type: none"> murid bebas untuk memilih permulaan cerita murid hanya diberikan soalan-soalan panduan
Langkah 3		Isi	LP/MP menghasilkan jalan cerita berdasarkan urutan penceritaan yang diberikan	<ul style="list-style-type: none"> menggunakan ayat perancah - kata/ frasa bantu, peta minda mengikut urutan cerita
			HP menghasilkan jalan cerita yang sesuai berdasarkan tajuk/gambar yang diberikan.	<ul style="list-style-type: none"> bebas - diberikan soalan-soalan panduan bahasa figuratif
Langkah 4		Pengakhiran	LP/MP memikirkan dan menghasilkan pengakhiran yang telah ditentukan guru.	<ul style="list-style-type: none"> perancah - kata/frasa bantu, soalan-soalan panduan

		HP memilih dan menghasilkan pengakhiran yang sesuai.	<ul style="list-style-type: none"> • bebas - soalan-soalan panduan • bahasa figuratif
--	--	--	---


Langkah 5 Membina karangan secara kendiri mengikut tahap mereka.

Murid-murid Darjah 3 memberikan respons menggunakan lembaran kerja yang diberikan guru manakala murid-murid Darjah 5 memberikan respons melalui templat rutin berfikir dalam portal SLS mengikut langkah-langkah pembelajaran ALP. Setelah melalui proses yang berperingkat, murid-murid akan menghasilkan karangan yang utuh. Dalam melaksanakan tugas secara kendiri ini, mereka boleh merujuk kepada proses yang telah dilakukan dalam langkah 1 hingga 4. Borang maklum balas akan diberikan kepada murid selepas mereka menyelesaikan 3 pusingan DI.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Dapatan maklum balas menunjukkan respons yang positif terhadap pendekatan DI yang dijalankan.

Rajah 2: Maklum Balas Murid





Jadual 3: Peratusan Respons Murid

Perkara	Peratusan
Saya faham apa yang guru ajarkan.	93%
Saya dapat menggunakan kata bantuan.	96%
Kata bantuan karangan membantu saya.	89%
Menulis karangan menjadi mudah dengan kata bantuan itu.	65%
Batang ayat membantu saya untuk mengembangkan idea saya sendiri.	67%
Saya lebih yakin untuk menulis karangan.	78%

Rajah 3: Maklum Balas Murid Darjah 5**Jadual 4: Respons Murid**

Perkara	Peratusan
Saya memahami apa yang diajarkan dan dapat menyelesaikan tugas di SLS.	91%
Saya lebih memahami struktur karangan.	96%
Saya lebih memahami cara-cara mengembangkan plot.	90%
Saya lebih yakin menulis karangan berdasarkan tajuk yang diberikan.	63%
Saya lebih yakin menulis karangan berdasarkan gambar bersiri yang diberikan.	91%
Penulisan karangan menjadi semakin menarik.	90%

Jadual 5: Markah Ujian Peperiksaan Komponen Karangan SA2

P3 (2020)	
62%	
P3 (2019) 	P4 (2020) (Kumpulan Terkawal)
84%	76%
P4(2019) 	P5 (2020)
71%	94%

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan DI dapat membantu murid untuk mengasah kemahiran menulis mereka dan sekali gus meningkatkan pencapaian mereka. Namun, ada beberapa perkara yang perlu diperbaik lagi. Melalui data kuantitatif, murid-murid Darjah 3 memahami apa yang diajarkan serta dapat menggunakan kata bantuan dalam karangan mereka. Namun begitu, lebih kurang 35% murid mendapati bahawa kata bantuan dan batang ayat yang disediakan mengikut tahap tidak memudahkan proses menulis karangan untuk mereka. Murid-murid yang lemah pula banyak memerlukan bantuan guru walaupun perancangan telah disediakan untuk mereka. Peratusan kelulusan murid Darjah 3 pula hanyalah 62%. Memandangkan tidak terdapat ujian pertengahan tahun, perbandingan pencapaian murid tidak dapat dilakukan.

Namun, secara amnya, terdapat kesinambungan dalam penulisan karangan murid. Mereka juga dapat mengaplikasikan kata hubung yang telah diajarkan. Oleh itu, pendekatan DI ini sedikit sebanyak dapat mengasah kemahiran menulis mereka. Bagi murid Darjah 5 pula, mereka masih kurang yakin untuk membuat karangan bertajuk. Data mengenai pencapaian murid dibandingkan dengan data tahun yang lalu. Melalui dapatan analisis, memang terdapat peningkatan dalam peratusan kelulusan murid. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan DI dalam karangan dapat membantu murid. Namun, para guru akur bahawa aktiviti-aktiviti yang disediakan masih boleh diperbaik agar peningkatan pencapaian murid dapat dilihat dengan lebih jelas lagi.



Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Monalisa Samsuddin
2. Noor Ratnawati Osman
3. Rafeah Ali
4. Siti Nurdianah Muhd Muhdi
5. Supina Taib

RUJUKAN

McQuarrie, McRae, & Stack-Cutler (2008). Defining Differentiated Instruction. ASCD.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd

Tomlinson, Carol A. How to differentiate Instruction in Mixed-Ability Classrooms. Alexandria, Va.: Association for Supervision and Curriculum Development, 1995